



PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN



24

沙巴團結黨二十四屆中央代表大會 PARTI BERSATU SABAH KE-



Perutusan

KETUA MENTERI SABAH

Tidak dinafikan bahawa Barisan Nasional (BN) merupakan tonggak pembangunan, perpaduan rakyat dan kestabilan politik negara. Kita bersyukur kerana hasil kemerdekaan yang dicapai melalui pembentukan Malaysia, dan dengan adanya kepimpinan yang berwibawa dan berpandangan jauh, maka Negeri Sabah tems membangun dengan pesat baik dari segi palitik, sosial mahupun ekonomi.

Negeri Sabah amat bertuah kerana rakyatnya yang berbilang kaum dan agama terus hidup dalam suasana harmoni, aman darnai dan sejahtera. Saya berbangga disebabkan semangat perpaduan dan kerjasama dalam kalangan anggota BN juga terus kukuh.

Menerusi perpaduan, persefahaman dan kerjasama erat dalam BN Sabah, maka kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri juga semakin mantap khususnya dalam merealisasikan gagasan '1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan', cetusan Y.A.B. Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri dan juga Pengerusi BN Malaysia, yang kita kasihi. Melalui konsep ini, seliap kelompok rakyat di setiap pelosok negeri bukan sahaja mendapat perhatian kerajaan melalui wakil rakyat masing-masing tetapi juga melalui jabatan dan agensi kerajaan sebagai pelaksana bagi menjayakan agenda pembangunan dan seterusnya membela nasib rakyat.

Selaku Pengerusi BN Sabah, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pemimpin dan ahli-ahli Parti Bersatu Sabah (PBS) atas komitmen yang tinggi dalam menjayakan agenda perjuangan BN. Saya percaya segala khidmat bakti dan sokongan padu oleh PBS selama ini akan terus memperkuat dan memperkukuhkan lagi BN. Semoga Persidangan Tahunan PBS Kali Ke-24 ini akan mencetuskan resolusi dan idea yang bemas bagi menyumbang ke arah kekuatan dan perpaduan dalam BN pada keseluruhannya.

Selamat bersidang dan selamat maju jaya.

YAB DATUK SERI PANGLIMA MUSA HAJI AMAN